



IKLAN JAWATAN KOSONG PERBADANAN TAMAN NEGERI PERAK (PTNPK)

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia dan keutamaan diberikan kepada anak kelahiran Perak yang berkelayakan serta mempunyai komitmen yang tinggi untuk berkhidmat di Perbadanan Taman Negeri Perak bagi jawatan berikut:

PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN / OPERASI) GRED N1

Taraf: Tetap / Satu (1) Kekosongan

Penempatan : Ibu Pejabat Perbadanan Taman Negeri Perak

Jadual Gaji : RM1,500.00 – RM4,680.00

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Sokongan yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi.

Tanggungjawab utama Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi): turut merangkumi fungsi-fungsi berikut:

1. Aspek Perkeranian – Pentadbiran pejabat, Pengurusan personel, Pengurusetiaan, Pengurusan rekod, Pengurusan kewangan, Pengurusan fail serta kerja-kerja menaip dan menyediakan dokumen rasmi seperti yang diarahkan atau ditetapkan.
2. Aspek Operasi – Pengurusan keselamatan dan ketenteraman, Pengurusan kebersihan, Pengurusan utiliti, Pengurusan taman dan kemudahan awam, Perkhidmatan kaunter pemprosesan, Pengurusan data dan maklumat, protokol dan istiadat, penguatkuasaan, pengurusan aktiviti setempat serta pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi.
3. Melaksanakan lain-lain tugas yang diarahkan oleh Ketua Jabatan dari masa ke semasa

KELAYAKAN

Calon perlu mempunyai kelayakan seperti berikut:

- Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya, **atau**
- Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan, **atau**
- Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan diiktiraf setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya, **atau**
- Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- Hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia** atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan
- Mempunyai **pengalaman bekerja sekurang-kurangnya 2 tahun**

KELAYAKAN KHAS, KUALITI DAN CIRI- CIRI PERIBADI

- Tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak melebihi 35 tahun dari tarikh tutup iklan;
- Pemohon mestilah bebas dari sebarang kes jenayah / dadah juvana;
- Kemahiran berkomunikasi secara lisan/ bertulis dengan baik;
- Mampu bekerja secara fleksibel termasuk di luar waktu pejabat dan di luar kawasan mengikut keperluan tugas;
- Taraf kesihatan - sihat dan tidak mempunyai penyakit kronik;
- Bersifat positif, berintegriti, amanah, bertanggungjawab serta sentiasa berusaha dan mampu bekerja secara berdikari dan berkumpulan.

CARA MEMOHON:

- Pemohon-pemohon hendaklah membuat permohonan melalui laman sesawang <https://digital.perak.my/perjawatan>
- Hanya permohonan yang dikemukakan dalam tempoh iklan sahaja akan diproses.
- Sebarang keterangan lanjut boleh dirujuk kepada:
Unit Pengurusan Sumber Manusia
Perbadanan Taman Negeri Perak
No. 28, 28A & 28B, Jalan Lang Indah A/1
Pusat Perniagaan Lang Indah
30010 Ipoh, Perak Darul Ridzuan Tel: 05-5430102
- **Tarikh tutup permohonan adalah pada 5 Jun 2026 (Jumaat) jam 11.59 malam**